- 6.5 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa baki yang ada di dalam Akaun adalah mencukupi bagi membiayai pembelian yang hendak dibuat menggunakan Kad dan / atau sebelum mengeluarkan cek bagi mengelakkan cek-cek dipulangkan disebabkan dana yang tidak mencukupi.
- 6.6 Jika amaun mana-mana Urus Niaga Kad dibuat dalam mata wang yang lain daripada Ringgit Malaysia, Bank akan menukar amaun itu kepada Ringgit Malaysia mengikut masa dan kadar pertukaran seperti yang ditetapkan oleh Bank mengikut amalan biasanya, sebelum didebit ke atau dipegang dalam Akaun.
- 6.7 Ahli Kad mesti memberitahu Bank dengan segera secara bertulis tentang:
  - (a) Sebarang niat untuk bermastautin di luar Malaysia selama lebih daripada enam bulan;
  - (b) Sebarang pertukaran alamat Ahli Kad; dan
  - (c) Sebarang pertukaran lain tentang keterangan dari Ahli Kad atau sebarang maklumat lain yang mungkin diminta oleh Bank dari semasa ke semasa.

## **7. BUDI BICARA BANK**

- 7.1 Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dan tanpa memberi notis awal atau sebab untuk menolak daripada meluluskan mana-mana cadangan Urus Niaga Kad tanpa mengambil kira bahawa Baki Semasa yang ada membolehkan Urus Niaga Kad yang dicadangkan itu dibuat seperti yang dinyatakan sebelum ini.
- 7.2 Bank berhak atas budi bicara mutlaknya dengan notis awal selama 21 hari dan tanpa memberi apa-apa sebab untuk:-
  - (a) Menggantungi hak Ahli Kad daripada menggunakan Kad sepenuhnya atau berkaitan kemudahan-kemudahan tertentu; dan / atau
  - (b) Tidak mengeluarkan semula, membaharui atau mengganti Kad, tanpa dalam apapun hal, menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dan bayaran semula tidak akan dibuat bagi apa-apa yuran tahunan atau yuran lain yang telah dibayar jika hak menggunakan Kad digantung oleh Bank atau jika Kad tidak dibaharui atau diganti sedemikian.

## **8. NOMBOR PIN DAN PENGGUNAAN DI ATM / UNTUK MEMBUAT URUS NIAGA ELEKTRONIK**

- 8.1 Ahli Kad perlu berada di Bank untuk memasukkan PIN 6 digit yang dipilih oleh Ahli Kad melalui PAD PIN Elektronik untuk mengaktifkan Kad yang akan dikeluarkan
- 8.2 Sekiranya Ahli Kad menggunakan Kad di mana-mana ATM atau untuk menjalankan Urus niaga secara Elektronik, perkara tambahan yang berikutan hendaklah diterima pakai:-

- (a) Ahli Kad hendaklah merahsiakan nombor PIN ini dan hendaklah menjaga nombor PIN dengan baik supaya tidak diketahui oleh orang lain;
- (b) Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas semua urus niaga yang dibuat menggunakan Kad pada ATM atau membuat apa-apa Urus Niaga Elektronik sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad;
- (c) Amaun mana-mana Urus Niaga ATM / Elektronik, jika dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada masa dan dengan kadar yang ditetapkan oleh Bank mengikut amalan kebiasaannya, sebelum didebit ke Akaun; dan
- (d) Bank berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, menukar, membatalkan atau memansuhkan penggunaan nombor PIN pada bila-bila masa tanpa memberi sebab apa juapun dan tanpa memberi notis awal kepada Ahli Kad.

## **9. TERMA DAN SYARAT MENGGUNAKAN KAD DI ATM, PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN DAN HAD URUS NIAGA**

### **9.1 TANGGUNGJAWAB TERHADAP URUS NIAGA**

- 9.1.1 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urus niaga yang dibuat menggunakan atau didapati dibuat menggunakan Kad tersebut, dengan atau tanpa pengetahuannya. Bank akan dimaklumkan secara bertulis dengan segera mengenai kehilangan atau kecurian Kad dan keadaan sekitar kehilangan atau kecurian tersebut, dan Ahli Kad adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa urus niaga atau penggunaan Kad sebelum penerimaan notis sedemikian oleh Bank dan dengan syarat seterusnya bahawa sekiranya liability Ahli Kad berkenaan dengan urus niaga yang dimeterai sebelum notis sedemikian adalah terhad kepada amaun maksimum seperti yang ditetapkan oleh Bank atau amaun sedemikian yang bersamaan dengan Ringgit yang dikeluarkan atau dipindahkan dalam mata wang yang dibenarkan oleh Bank bagi setiap Kad sehari atau amaun sedemikian yang lain yang disemak semula kemudiannya yang boleh dikeluarkan oleh Ahli Kad sehari termasuk pindahan dana (kecuali yang diperuntukkan dalam Fasal 9.2, 9.3, 9.4 dan 9.5) yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, dikira berdasarkan harian tarikh notis sedemikian yang tersebut di atas. Kadar pertukaran bagi pengeluaran dan / atau pindahan dana yang dilaksanakan di luar Malaysia adalah pada kadar pertukaran sedemikian yang tedapat pada masa urus niaga seperti yang ditentukan oleh Bank pada budi bicara mutlaknyanya.
  - 9.1.2 Semua urus niaga akibat daripada penggunaan Kad untuk mengendalikan Akaun tersebut adalah mengikat semua pemegang akaun, secara bersama dan bersaing.
  - 9.1.3 Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebitkan Akaun tersebut dengan amaun apa-apa pengeluaran, pindahan atau urus niaga yang dibuat dengan menggunakan Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan dan kebenaran Ahli Kad tertakluk kepada Fasal 9.1.1 di atas.
  - 9.1.4 Dengan ini, Ahli Kad bersetuju bahawa Ahli Kad akan dengan serta-merta setelah melaksanakan pengeluaran tunai dengan menggunakan Kad, mengira jumlah yang dikeluarkan dan sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam amaun yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad, maklumkan kepada Bank dengan segera untuk membolehkan Bank menjalankan siasatannya mengenai kesahihan dakwaan Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad gagal untuk maklumkan kepada Bank dengan segera, Bank tidak berkewajipan untuk menjalankan apaapa siasatannya mengenai kesahihan dakwaan Ahli Kad dan percanggahan yang didakwa oleh Ahli Kad dan Ahli Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank terhadap apa jua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat daripadanya.
- 9.2 PINDAHAN DANA KE AKAUN PINJAMAN / AKAUN PEMBIAYAAN
- 9.2.1 Urus niaga pindahan dana untuk memudahkan pembayaran ansuran berkenaan dengan akaun pinjaman / akaun pembiayaan (jika ada) tidak akan tertakluk kepada had pengeluaran atau pindahan amaun sedemikian yang tersebut di atas seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi setiap Kad sehari seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9.1.1 di atas

tetapi ia adalah tertakluk kepada terdapatnya dana yang mencukupi dalam Akaun. Bank adalah berhak atas budibicara mutlaknya untuk:

- (a) Menolak apa-apa urusan niaga pindahan dana sedemikian tanpa perlu memberi apa-apa sebab untuknya;
- (b) Menggunakan hasil urusan niaga pindahan dana sedemikian seperti yang diterima oleh Bank menurut susunan atau keutamaan pembayaran yang berikut:
  - (i) Ansuran;
  - (ii) Faedah / keuntungan (jika ada);
  - (iii) Pembayaran balik, perbelanjaan, caj lain (jika ada)
  - (iv) Caj lewat / ganti rugi (jika ada)
  - (v) Fi komitmen (jika ada),
- (c) Mengenakan caj sedemikian berkenaan dengan urusan niaga pindahan dana sedemikian yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

### 9.3 PINDAHAN DANA KE AKAUN DEPOSIT TETAP / AKAUN DEPOSIT BERTEMPOH-i

9.3.1 Urusan niaga pindahan dana ke Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i tidak akan tertakluk kepada had pengeluaran atau pindahan amaun sedemikian di atas, seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi setiap Kad sehari seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9.1.1 di atas, tetapi pengeluaran atau pindahan tersebut adalah tertakluk kepada terdapatnya dana yang mencukupi dalam Akaun. Urusan niaga pindahan dana ke Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i untuk tempoh satu (1) bulan dan untuk tempoh dua bulan atau lebih adalah untuk amaun minimum masing-masing sebanyak RM5,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap urusan niaga atau pada amaun minimum lain yang disemak semula yang mungkin dikenakan kemudian oleh Bank dari semasa ke semasa (jika berkenaan). Bank adalah berhak untuk:

- (a) Menolak apa-apa pindahan dana atau urusan niaga sedemikian tanpa perlu memberikan apa-apa sebab untuknya; dan
- (b) Mengenakan apa-apa caj berkaitan dengan pindahan dana atau urusan niaga sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.

9.3.2 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa apa-apa jumlah wang yang didepositkan oleh Ahli Kad dalam Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i dengan menggunakan Kad tersebut adalah tertakluk kepada kadar faedah / nisbah perkongsian keuntungan semasa Bank pada hari pendepositan bagi tempoh deposit Bank. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian antara kadar yang ditunjukkan pada ATM dan kadar yang disebut harga / diiklankan oleh Bank, kadar yang disebut harga / diiklankan oleh Bank akan diguna pakai.

9.3.3 Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i akibat daripada penggunaan Kad oleh Ahli Kad yang dikendalikan di bawah Akaun Simpanan / Semasa bersama (Konvensional dan Islam) dan/atau Akaun Simpanan Asas / Akaun Semasa Asas (Konvensional dan Islam) akan dikeluarkan Resit atas nama semua pemegang Akaun bersama Akaun tersebut dan syarat-syarat bagi mengendalikan Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i adalah sama dengan syarat-syarat yang terpakai bagi pengendalian Akaun Simpanan / Semasa bersama (Konvensional dan Islam) dan / atau Akaun Simpanan Asas / Akaun Semasa Asas bersama (Konvensional dan Islam)

9.3.4 Faedah atau keuntungan berkaitan dengan Akaun Deposit Tetap / Akaun Deposit Bertempoh-i untuk tempoh melebihi dua belas (12) bulan akan dibayar setiap enam (6) bulan. Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mengkreditkan faedah atau keuntungan sedemikian ke dalam Akaun dengan Bank.

### 9.4 URUS NIAGA UNTUK PERMOHONAN SAHAM SECARA ELEKTRONIK

9.4.1 Urusan niaga untuk permohonan saham secara elektronik melalui ATM adalah tidak tertakluk kepada had pengeluaran atau pindahan amaun sedemikian seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi setiap Kad sehari seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9.1.1 di atas tetapi adalah sentiasa tertakluk kepada terdapatnya dana yang mencukupi dalam Akaun dan sentiasa dengan syarat bahawa Bank adalah berhak untuk:

- (a) Menolak apa-apa urusan niaga sedemikian tanpa memberi apa-apa sebab bagi penolakan tersebut ; dan

- (b) Mengenakan, setelah memberi notis, caj-caj sedemikian berkaitan dengan urus niaga pindahan dana seumpamanya seperti yang dianggap sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.4.2 Bank akan mendebitkan Akaun Ahli Kad dengan Bank untuk caj perkhidmatan yang tak boleh dikembalikan yang ditanggung bagi setiap permohonan saham secara elektronik yang dibuat melalui ATM Bank.
- 9.4.3 Ahli Kad hendaklah dengan segera apabila menerima slip makluman ATM, melalui ATM, memastikan bahawa maklumat seperti nombor Pengenalan MyKad Ahli Kad, nombor Terbitan Saham, amaun urus niaga, Nombor Akaun CDS dan baki di dalam Akaun Ahli Kad yang tercetak di atasnya adalah betul. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam maklumat di atas, Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera.
- 9.4.4 Setelah menerima keputusan undian saham daripada Gedung Terbitan (buat masa ini mengikut amalan MIDFCC / MIH dan hendaklah termasuk apa-apa pindaannya dari semasa ke semasa) dan sekiranya:-
- (a) Permohonan saham secara elektronik Ahli Kad melalui ATM Bank tidak berjaya, Ahli Kad hendaklah memberi kebenaran kepada Bank untuk mengkreditkan Akaun Ahli Kad yang pada mulanya digunakan untuk membuat permohonan dengan amaun permohonan asal, ditolak caj perkhidmatan.
- (b) Permohonan saham Ahli Kad secara elektronik melalui ATM Bank diperuntukkan jumlah saham yang kurang daripada yang dipohon pada mulanya, Ahli Kad hendaklah memberi kebenaran kepada Bank untuk mengkreditkan akaunnya yang pada mulanya digunakan untuk permohonan tersebut dengan amaun lebihan (bahagian amaun permohonan yang tidak berjaya) ditolak caj perkhidmatan. Dengan ini, Ahli Kad bersetuju bahawa beliau tidak akan mempertanggungjawabkan Bank terhadap apa jua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat daripadanya.
- 9.4.5 Tertakluk kepada peraturan-peraturan MIDFCC / MIH (yang berkuat kuasa buat masa ini dan hendaklah termasuk apa-apa pindaannya dari semasa ke semasa, Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa beliau adalah berhak untuk mendapat satu permohonan bagi setiap permohonan saham baharu secara elektronik melalui ATM dan beliau akan memastikan bahawa urus niaga sedemikian dibuat hanya untuk permohonan sahamnya sendiri.
- 9.4.6 Sekiranya Ahli Kad ingin membatalkan permohonan saham secara elektronik yang pada mulanya dipohon melalui ATM Bank, beliau hendaklah membuat pembatalan tersebut menerusi ATM Bank serta Perkhidmatan PBeBank.com pada atau sebelum tarikh tutup terbitan saham berkenaan yang ditetapkan oleh Gedung Terbitan yang berkenaan. Ahli Kad hendaklah membenarkan Bank untuk mengkreditkan amaun asal yang dipohon (tidak termasuk caj perkhidmatan yang dikenakan semasa proses permohonan) ke dalam Akaunnya yang pada mulanya digunakan untuk permohonan saham secara elektronik.
- 9.4.7 Sekiranya Ahli Kad kehilangan slip makluman ATM, Ahli Kad hendaklah melaporkan dengan segera kehilangan tersebut kepada Bank dan Ahli Kad hendaklah dengan kos ditanggung sendiri oleh Ahli Kad menanggung rugi Bank dalam Borang yang ditetapkan oleh Bank dan Bank boleh selepas menerima Salinan asal Borang Tanggung Rugi yang dimatikan setem dan setelah berpuas hati sepenuhnya bahawa slip makluman ATM belum dibayar atau dibatalkan oleh Bank, membayar balik amaun yang dituntut kepada Ahli Kad dengan mengkreditkan amaun tersebut ke dalam Akaun. Sekiranya Ahli Kad gagal memaklumkan kepada Bank dengan segera, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik amaun tersebut kepada Ahli Kad dan Ahli Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank terhadap apa jua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad akibat daripadanya.

## 9.5 PINDAHAN DANA GIRO

- 9.5.1 Urus niaga pindahan dana GIRO diberi secara automatic kepada Ahli Kad untuk pembayaran bil kepada Perbadanan Penerima Bayaran yang dipamerkan pada ATM. Pindahan dana GIRO adalah perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk membolehkan Ahli Kad membayar bil kepada Perbadanan Penerima Bayaran melalui ATM. 'Perbadanan Penerima Bayaran' bermaksud perbadanan yang bil-bilnya boleh dibayar melalui perkhidmatan pindaan dana GIRO.
- 9.5.2 Urus niaga bagi Pindahan Dana GIRO adalah tidak tertakluk kepada had pengeluaran atau pindahan amaun sedemikian yang ditetapkan oleh Bank bagi setiap Kad sehari seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9.1.1 di atas tetapi adalah sentiasa tertakluk kepada terdapatnya dana yang mencukupi di dalam Akaun dan sentiasa dengan syarat bahawa Bank adalah berhak untuk:
- (a) Menolak apa-apa urus niaga sedemikian tanpa memberi apaapa sebab untuknya; dan
  - (b) Mengenakan caj sedemikian berkenaan dengan urus niaga pindahan dana sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.5.3 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa butir-butir (nombor Polisi / Akaun atau apa-apa nombor rujukan lain) bil Perbadanan Penerima Bayaran dimasukkan dengan betul dan dengan sertamerta selepas penerimaan slip makluman ATM melalui ATM, Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa nombor Polisi / Akaun atau apa-apa nombor rujukan lain yang tercetak di atasnya adalah betul. Dengan ini, Ahli Kad bersetuju bahawa Ahli Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank terhadap apa jua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad akibat daripadanya.
- 9.5.4 Ahli Kad hendaklah berhubung terus dengan Perbadanan Penerima Bayaran mengenai apa-apa pertikaian berikutan daripada Pindahan Dana GIRO tersebut.
- 9.5.5 Bank berhak menambah atau mengeluarkan mana-mana Perbadanan Penerima Bayaran daripada perkhidmatannya tanpa memberikan apa-apa sebab mengenainya dan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami akibat daripada tindakan sedemikian.
- 9.5.6 Bank boleh membatalkan hak Ahli Kad untuk menggunakan Perkhidmatan GIRO melalui ATM menarik balik Perkhidmatan GIRO melalui ATM sepenuhnya atau sebahagiannya pada bilabial masa, dengan atau tanpa memberi sebab dan dengan tanpa memberi notis.
- 9.5.7 Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa Bank boleh pada budi bicara mutlaknya menandatangani Akaun tersebut untuk pembayaran bil walaupun ini mungkin menyebabkan Akaun tersebut terlebih keluar atau apa-apa overdraf akan bertambah dan Ahli Kad dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa Ahli Kad hendaklah menanggung semua faedah dari tarikh pembayaran oleh Bank sehingga penyelesaian sepenuhnya oleh Ahli Kad pada kadar atau kadar-kadar sedemikian yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa atas baki bulanan dan wang sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Bank apabila diminta.
- 9.5.8 Ahli Kad juga dengan ini bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan pada setiap masa menanggung rugi Bank sepenuhnya dan keseluruhannya daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman antara peguam dan klien dan semua liabiliti lain apa jua jenis atau perihal yang mungkin akan dibuat atau diambil atau ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa jua cara akibat daripada kebenaran yang diberikan oleh Ahli Kad. Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa liabilitinya adalah merupakan liabiliti yang berterusan dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkekalan sehingga liabiliti Bank, jika ada, dibayar sepenuhnya mengikut kepuasan hati Bank. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Perkhidmatan GIRO melalui ATM adalah terpakai di dalam ini.

## 9.6 PENGELUARAN TUNAI

- 9.6.1 Urus niaga debit hendaklah dianggap sebagai urus niaga pengeluaran tunai dan Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun tersebut bagi jumlah apa-apa pembayaran, pembelian, pengeluaran tunai atau pindahan dana yang dilaksanakan dengan Kad

- menurut rekod urus niaga Bank.
- 9.6.2 Urus niaga pengeluaran tunai, apabila atau yang mana berkenaan, yang dibuat di terminal POS menggunakan Kad adalah tertakluk kepada yang berikut:
- (a) Bahawa pengeluaran tunai hendaklah dibuat berserta pembelian yang dibuat menggunakan Kad;
  - (b) Amaun setiap pengeluaran tunai tidak lebih daripada had yang ditetapkan khususnya oleh Bank dan / atau saudagar yang berkaitan dengan pengeluaran tunai jenis ini, yang mana lebih rendah, dari semasa ke semasa dan pada bilalial masa.
- 9.7 URUS NIAGA SAUDAGAR
- 9.7.1 Urus niaga saudagar, apabila atau yang mana berkenaan, yang dibuat di terminal POS boleh dibuat melalui saudagar e-Debit di Malaysia dan saudagar Visa / Mastercard / UnionPay yang dibenarkan menggunakan Kad tersebut; manakala urus niaga saudagar, apabila atau yang mana berkenaan, yang dibuat melalui internet boleh dibuat melalui saudagar Visa / Mastercard / UnionPay yang dibenarkan sahaja.
- 9.7.2 Urus niaga saudagar, apabila atau yang dibuat melalui saudagar e-Debit di Malaysia menggunakan Kad adalah dirujuk sebagai pembelian e-Debit dan adalah tertakluk kepada yang berikut:
- (a) Amaun urus niaga hendaklah tidak melebihi had yang ditetapkan secara khusus oleh Bank yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa.
  - (b) Hanya dibuat di saudagar e-Debit di Malaysia di terminal POS.
  - (c) Terma dan syarat berkaitan yang lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dan / atau saudagar yang berkaitan pada budi bicara mutlak mereka dari semasa ke semasa.
- 9.7.3 Urus niaga saudagar, apabila atau jika berkenaan yang dibuat di terminal POS atau internet yang dibuat melalui Visa / Mastercard / UnionPay menggunakan kad adalah dirujuk sebagai urus niaga runcit dan
- (a) Amaun urus niaga hendaklah tidak melebihi had yang ditetapkan dengan khusus oleh Bank yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa.
  - (b) Hanya dibuat disaudagar Visa / Mastercard / UnionPay yang dibenarkan sahaja.
  - (c) Terma dan syarat berkaitan yang lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dan / atau saudagar yang berkenaan pada budi bicara mutlak mereka dari semasa ke semasa.

## 10. DEPOSIT

Amaun apa-apa wang tunai atau cek yang didepositkan oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad tersebut adalah tertakluk kepada pengesahan terakhir Bank sebelum mengkreditkan ke dalam akaun Ahli Kad masing-masing. Amaun yang disahkan adalah muktamad dan tidak boleh dikembalikan dan adalah dianggap amaun yang betul yang didepositkan. Hasil daripada cek (cek-cek) yang diterima bagi pungutan belum boleh digunakan sehingga cek (cek-cek) tersebut dijelaskan.

## 11. REKOD URUS NIAGA

- 11.1 Rekod Bank mengenai apa-apa urus niaga yang diproses menggunakan Kad adalah muktamad dan mengikat untuk semua tujuan tertakluk kepada Fasal 9.1.1 di atas.
- 11.2 Ahli Kad bersetuju untuk tidak mengeluarkan, termasuk memindahkan dana, apa-apa amaun melebihi amaun sedemikian sebagaimana yang Ahli Kad dibenar untuk mengeluarkan atau memindahkan untuk setiap akaun bagi sehari (kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 9.1, 9.2, 9.3, 9.4 dan 9.5 di atas) atau had sedemikian sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, dan tertakluk kepada terdapatnya dana dalam akaun Ahli Kad masing-masing.
- 11.3 Baki yang ditunjukkan pada ATM bagi nombor akaun Ahli Kad adalah tidak termasuk depositnya yang belum lagi disahkan oleh Bank. Ia juga tidak akan mengambil kira cek (cek-cek) yang telah dikeluarkan oleh Ahli Kad dan belum lagi diproses oleh Bank. Amaun yang dinyatakan pada ATM adalah tidak untuk apa jua tujuan diambil sebagai penyata muktamad mengenai akaun (akaun-akaun) Ahli Kad dengan Bank.

## 12. PENAMATAN

- 12.1 Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan Kadnya dengan memberi Bank notis bertulis mengenai penamatan itu dan memulangkan Kad yang telah dipotong dua bahagian, kepada Bank, selepas itu penggunaan Kad tersebut akan ditamatkan.
- 12.2 Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis dan tanpa memberi apa-apa sebab menamatkan penggunaan Kad. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang disebut terdahulu, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad, sebaik sahaja berlakunya manamana satu atau lebih perkara yang berikut:
  - (a) Kebankrapan, ketidakmampuan bayar, kematian atau ketidakupayaan Ahli Kad; dan / atau
  - (b) Apa-apa pelanggaran Perjanjian ini oleh Ahli Kad.
- 12.3 Sekiranya penggunaan Kad ditamatkan oleh Bank atau Ahli Kad atas apa juga sebab, Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad yang telah dipotong kepada dua bahagian itu kepada Bank. Ahli Kad akan memaklumkan kepada Bank cara untuk memulangkan baki (jika ada) yang terdapat dalam Akaun tersebut kepada Ahli Kad. Jika tidak, baki yang ada itu akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut selepas tujuh (7) tahun.
- 12.4 Tidak ada bayaran balik mana-mana yuran tahunan atau yuran lain sebaik sahaja Kad ditamatkan atas apa sebab sekalipun.
- 12.5 Apabila penggunaan Kad ditamatkan, Bank tidak akan menghantar Penyata bulanan kepada Ahli Kad.

## 13. KECUALIAN LIABILITI

- 13.1 Bank tidak bertanggungjawab ke atas barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau pertubuhan atau ke atas kualiti dan prestasi mana-mana barang atau perkhidmatan selaras dengan atau berkaitan dengan mana-mana Urus Niaga Kad.

Liabiliti Ahli Kad kepada Bank tidak akan terjejas oleh mana-mana pertikaian atau tuntutan balas atau hak membuat imbalan yang mungkin ada terhadap Saudagar Dibenar oleh Ahli Kad.

- 13.2 Ahli Kad boleh mengendalikan apa-apa tuntutan atau pertikaian secara langsung dengan Saudagar Dibenarkan atau institusi ahli Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International.
- 13.3 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun jika mana-mana Saudagar Dibenar, enggan menerima atau mengiktiraf Kad atas apapun sebab.
- 13.4 Bank tidak bertanggungjawab jika tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana pertikaian perusahaan, perang, bencana alam atau apa-apa sahaja yang di luar kawalan Bank, pekerjaanya atau ejennya.
- 13.5 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun ke atas apa-apa kecederaan terhadap mama baik, keperibadian dan reputasi Ahli Kad dalam dan tentang penarikbalikan Kad atau permintaan untuk dipulangkan Kad.
- 13.6 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kesusahan, kehilangan, kerosakan atau rasa malu dalam apa bentukpun yang disebabkan oleh atau berpunca daripada kerosakan atau kehilangan atau kegagalan mendapatkan data atau maklumat yang mungkin disimpan dalam mana-mana mikrocip atau litar atas apa juapun sebab.
- 13.7 Tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan Fasal 13 ini, Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara pun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam bentuk apapun yang berpunca daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad dan / atau Perjanjian ini.
- 13.8 Tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan Fasal 13 ini, Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara pun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kesusahan, kehilangan, kerosakan atau rasa malu dalam apa bentuk pun yang disebabkan oleh atau berpunca daripada:
  - (a) Apa-apa kelewatan dalam melepaskan sebarang amaun yang telah diletakkan dalam pegangan dalam Akaun Ahli Kad.
  - (b) Apa-apa pegangan ke atas Akaun sebaik sahaja menerima permintaan untuk membenarkan Urus Niaga Kad atau apa-apa notis tentang Urus Niaga Kad atau permintaan untuk bayaran (termasuk tetapi tidak terhad kepada permintaan secara elektronik) dengan tidak mengira bahawa permintaan atau notis demikian tidak dibenarkan atau dipalsui atau Urus Niaga Kad itu tidak dilaksanakan atau telah dibatalkan.



- 13.9 Ahli Kad tidak boleh membuat serah hak ke atas hak-haknya dalam Perjanjian ini.
- 13.10 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa urusan niaga penipuan atau tidak dibenarkan atau apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang ditanggung dan / atau dikenakan oleh Ahli Kad di mana transaksi itu telah dilakukan / dilaksanakan oleh malware atau virus dalam komputer peribadi Ahli Kad ("PC") atau peranti pintar yang dimiliki / digunakan oleh Ahli Kad. Untuk tujuan ini Ahli Kad mengaku janji untuk mengambil segala langkah-langkah pencegahan yang perlu untuk mengemas kini dan melindungi PC Ahli Kad dan peranti pintar untuk memastikan bahawa peranti adalah bebas daripada malware / virus.

#### 14. PERBEZAAN DALAM PERJANJIAN INI

- 14.1 Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang dibentangkan di dalam Perjanjian ini atau mengubah fi dan caj yang kena dibayar dalam Akaun Kad dan pertukaran demikian hendaklah diguna pakai pada tarikh kuat kuasa yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah diguna pakai kepada semua baki belum jelas dalam Akaun Kad. Perubahan dalam terma dan syarat atau fi dan caj hendaklah disampaikan oleh Bank kepada Ahli Kad melalui Penyata Bulanan Akaun, atau melalui pemberitahuan di laman web Bank atau melalui sebarang cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 14.2 Jika Ahli Kad tidak menerima perubahan-perubahan demikian, Ahli Kad boleh dalam tempoh 7 hari selepas Bank memberikan notis tersebut menamatkan penggunaan Kad menurut Fasal 12.
- 14.3 Jika Ahli Kad memegang atau menggunakan Kad selepas Bank memberi notis tentang apa-apa perubahan dalam Perjanjian ini, Ahli Kad adalah dianggap sebagai menerima dan bersetuju dengan perubahan-perubahan demikian tanpa kekecualian.

#### 15. YURAN DAN CAJ

- 15.1 Yuran Tahunan seperti yang telah ditetapkan oleh Bank bagi Kad dan setiap Kad Tambahan apabila dikeluarkan atau diperbaharui. Yuran Tahunan tidak akan dibayar balik.
- (i) Caj perkhidmatan pada kadar yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya sendiri bagi perkhidmatan yang diberikannya dan kos dan perbelanjaan yang terlibat berkaitan dengan atau yang berpunca daripada pengeluaran atau penyalinan Resit Urus Niaga atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad seperti berikut:
- (a) Pengeluaran salinan Resit-resit Urus niaga atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad adalah seperti yang berikut:
- (1) Salinan foto Resit Urus Niaga RM15.00.
  - (2) Penggantian Kad yang hilang atau dicuri di bawah Fasal 3.6.
- 15.2 Selain daripada dan tanpa prejudis terhadap hak-hak Bank untuk mengenakan fi dan caj sedemikian sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ini, Bank berhak untuk memotong Akaun tersebut untuk yang berikut:-
- (ii)
- (a) Fi Pengeluaran Tunai:-
    - (1) Untuk urusan niaga yang berjaya dibuat di ATM PBB-PERCUMA.
    - (2) Untuk urusan niaga yang berjaya dibuat di semua ATM lain melalui rangkaian ATM MEPS - RM1.00.
    - (3) Untuk urusan niaga yang berjaya dibuat di semua ATM lain melalui rangkaian ATM VISA / MASTERCARD / UNIONPAY - RM10.00.
  - (b) Fi Pertanyaan Baki:-  
PERCUMA
  - (c) Fi Penyata Bulanan:-
    - (1) Fi e-penyata Bulanan - PERCUMA
    - (2) Fi Salinan Cetak Penyata - RM1.00 akan dikenakan setiap bulan.
  - (iii) Yuran Guaman (berdasarkan Peguamcara dan Klien) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank apabila menguatkuasakan hak dan hak milik di bawah Perjanjian ini dan bagi mendapat kembali wang belum bayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Akaunnya.
  - (iv) Sebarang cukai yang dikenakan dan perlu dibayar, sama ada berkuatkuasa pada masa ini atau bakal dilaksanakan dan

- boleh dikenakan oleh undang-undang.
- (v) Yuran dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.
- 15.3 Walaupun terdapat peruntukan di atas, Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk mengubah kadar atau kaedah pengiraan Fi Tahunan, caj perkhidmatan, Fi Pengeluaran Tunai, Fi Pertanyaan Baki, Fi Penyata Bulanan, yang dirujuk dalam butiran 15.1 di atas dan caj pengendalian dan caj tambahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

## **16. KEINGKARAN**

- 16.1 Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya dan pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis dan tanpa memberi apa-apa sebab membatalkan / memansuhkan kad atau tidak memperbaharui Kad atau menggantung atau menghad penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan di bawah Akaunnya.
- 16.2 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Fasal 16.1 di atas, jika:
- (i) Ahli Kad ingkar dalam bayaran apa-apa wang yang dengan ini ditetapkan untuk dibayar dengan cara yang diperuntukkan dalam ini apabila genap masa sama ada diminta secara formal atau tidak; atau
  - (ii) Ahli Kad melanggar mana-mana terma Perjanjian ini dalam apa jua pun cara; atau
  - (iii) Ahli Kad mengambil tindakan kebangkrutan atau menjadi bankrap atau membenarkan apa-apa penghakiman terhadapnya tidak diselesaikan selama lebih daripada 30 hari; atau
  - (iv) Satu penahanan disempurnakan dengan distres atau prosiding undang-undang yang lain telah dikenakan, dikuatkuasa atau dikeluarkan terhadap harta Ahli Kad dan tidak dilepaskan atau tidak digantung pelaksanaannya dalam tempoh 7 hari; atau
  - (v) Bank memutuskan mengikut budi bicara sendiri dan mutlaknyanya bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah dan telah menjadi tidak terurus dan / atau sesuatu kejadian telah berlaku atau sesuatu keadaan telah wujud yang boleh atau mungkin menjejaskan keupayaannya untuk memenuhi terma-terma Perjanjian ini atau telah tergugat; atau
  - (vi) Jika Ahli Kad gagal membayar jumlah wang yang telah sampai tempoh dan perlu dibayar oleh Ahli Kad berkaitan dengan mana-mana pinjaman atau akaun atau kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad oleh Bank atau mana-mana cawangan Bank apabila yang tersebut itu telah kena bayar sama ada diminta secara formal atau tidak; atau
  - (vii) Jika Ahli Kad meninggal dunia atau menjadi gila; dengan itu, dalam mana-mana kejadian demikian, Bank boleh memberikan notis bertulis kepada Ahli Kad dan atas budi bicara mutlaknyanya, membatalkan / memansuhkan Kad.
- 16.3 Sebaik sahaja Kad dibatalkan atau sebaik sahaja dimansuhkan, digantung, atau dihadkan hak Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan untuk menggunakan Kad seperti dinyatakan sebelum ini, semua wang yang perlu bayar kepada Bank oleh Ahli Kad di bawah Akaunnya menjadi genap masanya dan perlu dibayar serta-merta dan sebaik sahaja diminta oleh Bank, Ahli Kad hendaklah menjelaskan Akaun.
- 16.4 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa mana-mana Kad yang dibatalkan mungkin diletakkan dalam Senarai Pembatalan yang mungkin diedarkan kepada semua Saudagar Dibenarkan dan/atau institusi yang menjadi ahli Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International dan semua cawangan Bank.
- 16.5 Dengan tidak menyentuh peruntukan lain Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju bahawa dia tidak akan membuat tuntutan terhadap Bank dan akan mengganti rugi Bank bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau sebaliknya termasuk kos berdasarkan Peguamcara dan Klien), yuran dan caj, kos pos atau penghantaran dan perbelanjaan atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasa atau cuba menguatkuasa bayaran di bawah Perjanjian ini terhadap Ahli Kad dan / atau Ahli Kad Tambahan.

## **17. URUS NIAGA LUAR NEGARA**

- 17.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia yang terdapat Saudagar Dibenar dan/atau institut yang menjadi ahli Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International.

- 17.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad bagi pengeluaran tunai melalui mana-mana ATM yang ditentukan yang dipasang di negara-negara yang diluluskan yang akan diumumkan oleh Bank atau oleh Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International dari semasa ke semasa. Ahli Kad hendaklah menentukan bahawa semua urus niaga antara-negara oleh Ahli Kad melalui ATM tidak melanggar undang-undang yang terdapat di negara urus niaga itu dilakukan.
- 17.3 Apabila Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, urus niaga yang dibuat akan ditukar ke Ringgit Malaysia dengan menggunakan US Dollar sebagai mata wang asas pada tarikh perkara itu diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran demikian dan pada masa yang akan ditentukan oleh Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International mengikut budi bicara mutlaknya termasuk spread pertukaran asing sebanyak 1.25%. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada hari urus niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang ditetapkan demikian adalah muktamad dan konklusif dan Ahli Kad akan menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank lain yang dengan demikian mungkin dikenakan.
- 17.4 Di mana sahaja boleh dipakai, Ahli Kad hendaklah mengikut peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing / notis yang dikeluarkan oleh Bank Negara berkaitan dengan mana-mana urus niaga luar negara. Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas mana-mana pelanggaran peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing / notis demikian dan manamana pindaan padanya.

## **18. PELBAGAI**

- 18.1 **1 HAK UNTUK MENOLAK SELESAI DAN PENYATUAN**
- (a) Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dengan notis terlebih dahulu menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad, termasuk akaun yang disenggara dengan Bank dan / atau Ahli Kad secara bersama atau dengan yang lain (sama ada semasa, deposit, pinjaman atau apa juga bentuk sama ada tertakluk kepada notis atau tidak dan dalam apa juga jenis mata wang) walau di mana sekalipun berada dengan apa-apa liabiliti Ahli Kad di bawah apa-apa perjanjian dengan Bank dan menolak selesai atau memindahkan apaapa baki kredit yang terdapat dalam mana-mana atau lebih akaun seumpamanya, perjanjian atau kontrak dalam atau daripada manamana aset Ahli Kad atau sekuriti yang dipegang oleh Bank atau semua subsidiari dan syarikat berkaitan dengan Bank dan Kumpulan PBB bagi memenuhi apa-apa liabiliti Ahli Kad yang terhutang dan boleh dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini dan semua subsidiari dan syarikat berkaitan dengan Bank dan Kumpulan PBB. Sekiranya penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pindahan memerlukan penukaran satu mata wang kepada mata wang yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran semasa Bank yang akan ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya.
- (b) Bank hendaklah memberikan Ahli Kad notis tujuh (7) hari calendar terlebih dahulu secara bertulis sebelum penolakan selesai bagi membayar apa-apa wang yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
- 18.2 **UNDANG-UNDANG**
- Perjanjian ini antara Bank dan Ahli Kad hendaklah disifatkan telah disempurnakan dan dibuat di Ibu Pejabat Bank di Kuala Lumpur dan apa-apa pelanggaran terma yang tersebut dalam perjanjian ini adalah disifatkan sebagai berlaku di Kuala Lumpur dengan tidak mengira di mana Ahli Kad bermastautin.
- 18.3 **PENEPIAN**
- Masa merupakan intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan atau keistimewaan kuasa hak atau remedi tidak boleh disifatkan suatu penepian daripadanya begitu juga pelaksanaan manamana satu atau sebahagiannya mana-mana keistimewaan kuasa hak atau remedi menghalang pelaksanaan lain atau lanjutan daripadanya atau pelaksanaan mana-mana keistimewaan kuasa hak atau remedy yang lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif terhadap mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan dalam undang-undang.

#### 18.4 PENJAGAAN HAK DAN KELAYAKAN

Tanpa menyentuh perkara lain dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah perjanjian ini hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan adalah terkecuali daripada mana-mana pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Kad oleh Bank.

#### 18.5 VARIASI

Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal bertulis kepada Ahli Kad mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini dan pertukaran demikian hendaklah dipakai pada tarikh kuatkuasa yang ditetapkan oleh Bank dan adalah terpakai bagi semua baki belum jelas dalam Akaun. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan / atau pindaan demikian, Ahli Kad hendaklah menyerahkan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank atau memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memusnahkan / mengeluarkan cip daripada Kad tersebut, kegagalan penerimaannya Kad yang telah dipotong dua atau pemberitahuan secara bertulis mengenainya Ahli Kad adalah disifatkan telah menerima perubahan, tambahan dan / atau pindaan demikian.

#### 18.6 PENDEDAHAN

Bank mempunyai hak untuk menyemak kedudukan kredit mana-mana pemohon Kad dan / atau menyemak kedudukan Ahli Kad pada bila-bila masa dan apabila Bank menganggap sesuai tanpa merujuk kepada Ahli Kad, dengan majikannya atau Ahli Kad Utamanya atau manamana agensi pelaporan kredit yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memaklumkan atau memberitahu maklumat berkaitan dengan Ahli Kad, Akaun Kadnya atau pengendaliannya (keuangan atau sebaliknya) dengan cara dan setakat mana Bank menganggap perlu dari semasa ke semasa:-

- (a) Kepada mana-mana saudagar, Bank atau institusi kewangan atau kepada mana-mana pihak, termasuk tetapi tidak terhad kepada Visa International / Mastercard Worldwide dan manamana institute ahli Visa International / Mastercard Worldwide / UnionPay International untuk memudahkan penggunaan Kad atau pemrosesan mana-mana urusan niaga yang dibuat atau akan dibuat menggunakan Kad atau apa-apa penyiasatan berhubungan dengan apa-apa tuntutan apa-apa penggunaan atau didapati dibuat menggunakan atau salah guna kad tersebut.
- (b) Kepada penasihat atau perundingan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada peguam, akauntan dan juruaudit untuk atau berhubungan dengan apa-apa tuntutan yang dibuat, apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil dengan tujuan mendapatkan semula wang yang belum bayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
- (c) Kepada mana-mana pihak berkuasa atau biro yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), termasuk Biro Kredit Pusat, Biro Maklumat Cek (BMC) dan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau biro atau badan yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank dengan tujuan untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang dan / atau untuk apaapa tujuan pentadbiran atau kawal selia.
- (d) Kepada mana-mana ejen khidmat luar yang diluluskan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pemungut hutang, tele-pemasar dan ejen jualan langsung dan ejen pemasaran atau mana-mana rakan perniagaan strategic atau rakan penjenamaan bersama atau mana-mana pembekal program ganjaran, loyalty atau keistimewaan pihak ketiga, untuk tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumpulan atau pemungutan semua apa-apa jumlah yang belum bayar dan perlu bayar di bawah kad ini, pemasaran produk dan perkhidmatan Bank atau rakan perniagaan strategic atau rakan penjenamaan bersama bank atau mana-mana pembekal program ganjaran, loyalty atau keistimewaan pihak ketiga.
- (e) Selanjutnya, Ahli Kad bersetuju, membenarkan dan mengizinkan bahawa selagi apa-apa wang yang belum bayar di bawah Akaun Kad masih belum dijelaskan, Bank berhak untuk mendedahkan maklumat mengenai perniagaan beliau (termasuk akaunnya dan / atau akaunnya pada masa hadapan)

dengan Bank kepada Public Islamic Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad, Public Mutuall Berhad atau syarikat-syarikat yang merupakan atau yang pada masa hadapan mungkin menjadi subsidiari dan / atau syarikat berkaitan dengan Bank dan bahawa subsidiari dan / atau syarikat berkaitan dengan Bank itu juga berhak untuk membuat pendedahan yang sama kepada Bank dan / atau subsidiari lain dan / atau syarikat berkaitan yang berkenaan.

#### 18.7 NOTIS

- (i) Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan nombor telefon dan / atau pertukaran alamat dan / atau pekerjaan atau perniagaan.
- (ii) Apa-apa penyata akaun surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar oleh bank dengan salah satu cara berikut:
  - (a) Dihantar dengan tangan atau dikirim melalui pos prabayar kepada alamat Ahli Kad yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah diterima pada masanya oleh Ahli Kad di dalam masa 3 Hari Perniagaan selepas dipos.
  - (b) Melalui mel elektronik ke alamat emel Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima dua puluh empat (24) jam selepas dihantar;
  - (c) Dengan mempamerkan di premis perniagaan Bank dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap sebagai berkuat kuasa apabila dipamerkan;
  - (d) Melalui iklan dalam satu sisipan di akhbar nasional dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa pada tarikh iklan tersebut diterbitkan dalam akhbar berkenaan;
  - (e) Dengan menisipkan satu notis dalam Penyata Ahli Kad dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa dalam tempoh dua hari Perniagaan selepas tarikh notis yang terkandung dalam Penyata Akaun kepada Ahli Kad dipos;
  - (f) Dengan menyiarkan mesej dalam laman web Bank;
  - (g) Jika dimaklumkan kepada Ahli Kad dalam apa juga cara sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank.

Apa-apa kegagalan pada pihak Ahli Kad untuk memberitahu apa-apa perubahan alamatnya sehingga menyebabkan kelewatan atau pemulangan penyata bulanan surat-menyurat atau notis hendaklah tidak menjejaskan hak dan milik Bank di bawah Perjanjian ini.

#### 18.8 PENYAMPAIAN NOTIS

Dengan ini Ahli Kad bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis bagi apa-apa tuntutan yang timbal daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu Salinan notis yang sama melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah disampaikan pada masa mengepos Notis dan dalam menyediakan penyerahan adalah memadai untuk membuktikan bahawa Notis yang sama telah dialamatkan dengan sepatutnya dan diletakkan dalam pos walaupun terdapat apaapa keterangan yang bertentangan.

#### 18.9 SIJIL KEBERHUTANGAN

Suatu sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank berkenaan dengan wang yang buat masa itu genap masa dan belum dibayar kepada Bank daripada Ahli Kad hendaklah menjadi keterangan atau bukti yang terakhir dan muktamad bahawa amaun yang muncul di dalamnya adalah genap masanya dan belum dibayar dan wajar dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang. Apa-apa pengakuan atau perakuan secara bertulis oleh Ahli Kad atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ahli Kad tentang amaun keberhutangan Ahli Kad kepada Bank dan apa-apa penghakiman yang didapatkan kembali oleh Bank terhadap Ahli Kad berhubung dengan keberhutangan demikian hendaklah mengikat dan muktamad dalam mana-mana mahkamah di dalam dan di luar Malaysia.

#### 18.10 KEBOLEHASINGAN

Ketaksahan dan ketidakbolehkuatkuasaan mana-mana peruntukan di dalam perjanjian ini hendaklah tidak dari segi isinya membatalkan niat yang mendasari Perjanjian ini dan peruntukan yang tak sah atau tak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi berasingan dan ketaksahan dan ketidakbolehkuatkuasaan mana-mana terma atau peruntukan Perjanjian ini hendaklah tidak menjejaskan kesahan dan kebolehkuatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di dalam ini yang hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya.

#### 18.11 TERMA DAN SYARAT LAIN

Terma dan syarat yang disebut di dalam perjanjian ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan bukan pengurangan kuasa bagi manamana perjanjian khusus atau perjanjian yang berkaitan dengan setiap kemudahan di bawah kemudahan Kad sekarang dan kemudian dari ini yang terus hidup dari semasa ke semasa antara Bank dengan Ahli Kad atau mana-mana terma dan syarat yang boleh dinyatakan dalam apa-apa surat tawaran yang diberikan oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

#### 18.12 PERJANJIAN PENGGANTIAN

Semua perjanjian atau persetujuan terdahulu, jika ada, antara Bank dengan Ahli Kad, secara bertulis atau lisan, dengan ini terbatal dan digantikan oleh Perjanjian ini.

#### 18.13 KOMUNIKASI

Bank hendaklah berhak (tetapi tidak diwajibkan) atas budi bicaranya, untuk bergantung pada atau bertindak atas apa-apa komunikasi, permintaan atau arahan yang pada pendapat Bank sendiri datang daripada Ahli Kad (sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada hadir sendiri atau melalui telefon, atau melalui faksimili atau telekomunikasi cara lain dan sama ada tulen atau dengan atau tanpa izin atau autoriti Ahli Kad), dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan kepada Ahli Kad atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami olehnya akibat tindakan demikian. Bank hendaklah tidak di bawah apa-apa kewajipan untuk menentusahkan pengenalan mana-mana orang yang berkomunikasi secara pura-pura atau bagi pihak Ahli Kad.

#### 18.14 TANGGUNG RUGI

Ahli Kad mestilah menanggung rugi dan tetap menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos dan belanja apa-apa jenis pun (termasuk kos guaman atau pada asas indemniti) yang dialami, ditanggung atau dilibatkan oleh Bank, secara langsung atau tidak langsung, atas sebab atau berhubung dengan Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad pada:-

- (i) Apa-apa penggunaan atau salah guna Kad; dan / atau
- (ii) Pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian ini daripada pihak Ahli Kad dan / atau
- (iii) Penguatkuasaan atau perlindungan hak dan remedi Bank terhadap Kad di bawah Perjanjian ini; dan / atau
- (iv) Apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi yang mungkin menjejaskan Akaun dan / atau Perjanjian ini.

Dengan ini adalah dipersetujui dengan nyata di antara pihak-pihak di dalam ini bahawa sekiranya terdapat konflik, percanggahan atau perubahan dalam terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia dalam Perjanjian ini, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.